

29 JUN 1999

Afrika-Mahathir

MEDIA AFRIKA KAGUM DENGAN SENARIO POLITIK NEGARA

PUTRAJAYA, 29 Jun (Bernama) -- Editor-editor kanan daripada beberapa negara Afrika hari ini melihat dari dekat keadaan sebenar politik dan ekonomi negara dan mendapati ia di sebalik imej "Malaysia dilanda rusuhan" seperti yang dipaparkan oleh media antarabangsa.

Selepas melihat dan mendengar daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk hampir dua jam mengenai keadaan politik negara dan pelan-pelan pemulihan ekonomi dan dasar-dasar, mereka yakin yang Malaysia aman dan damai.

Ada antara mereka berkata mereka melihat rusuhan di Kuala Lumpur melalui CNN selepas bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dilucutkan jawatannya pada September lepas.

Taklimat itu diadakan di Jabatan Perdana Menteri di sini dan turut dihadiri oleh pegawai-pegawai jabatan itu.

Editor-editor itu memuji Perdana Menteri kerana kebolehannya untuk mengekalkan kestabilan politik dan memulihkan ekonomi.

"Malaysia adalah contoh baik bagi dunia," kata Chris Jacobie yang bertindak sebagai jurucakap bagi 18 wartawan kanan itu yang tiba di sini Ahad lepas.

Menurut Jacobie, sebelum mereka tiba di Malaysia, mereka beranggapan ada masalah di negara ini.

"Kini kita tahu," kata Jacobie, editor eksekutif akhbar "Republiken" di Namibia.

Beliau berkata, kumpulan itu tidak sabar untuk mengetahui lebih banyak mengenai Malaysia daripada Perdana Menteri sendiri.

"Dr Mahathir sanggup berkongsi dengan kami sedikit sebanyak idea dan pencapaiannya," katanya.

Jacobie berkata, Dr Mahathir tidak perlu bimbang sangat terhadap kritikan terhadap beliau dan Malaysia oleh media antarabangsa "kerana Malaysia sudahpun berjaya."

"Ia (kritikan itu) bukan perkara besar," katanya.

Beliau juga memuji toleransi keagamaan di kalangan pelbagai kaum di negara ini.

Bagi Naim Niko, timbalan editor perniagaan bagi Daily Nation di Kenya, Malaysia telah mencapai kemajuan yang besar.

"Saya kagum sekali dengan Perdana Menteri anda. Jarang sekali anda mendapat seorang pemimpin yang begitu petah berkata-kata," katanya.

Menganggap Dr Mahathir sebagai seorang yang berterus terang dan jujur, Niko berkata beliau juga inginkan kualiti Dr Mahathir pada pemimpin-pemimpin Afrika.

"Apa yang kita telah lihat di Malaysia adalah contoh baik bagi negara-negara Afrika," katanya.

-- BERNAMA

ES PR